

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 69**  
**RUANGAN : SIHAT**



Vaksin membina daya tahan terhadap kuman dan menyimpan memori imuniti atau memori pertahanan.

→ **SIHAT**



Penemuan ke atas sekumpulan kecil kanak-kanak yang baharu mengambil vaksin dan didiagnosis mengalami autisme selepas itu adalah secara kebetulan.

## Vaksin terbukti bangun memori daya tahan



Mereka yang tidak menerima vaksin terpaksa menempuh kesakitan terlebih dulu sebelum memori ini dibina dan kalau tidak bernasib baik boleh memberikan kesan buruk termasuk maut”

**Dr Yap Wei Boon,**  
Pensyarah Kanan Program Sains Bioperubatan, Pusat Pengajian Sains Diagnostik dan Kesihatan Gunaan, Fakulti Sains Kesihatan (FSK) UKM

→ **Dakwaan suntikan bawa kesan sampingan termasuk autisme tidak benar**

Oleh **Halina Mohd Noor**  
halina\_mdnoor@bh.com.my

**T**idak memahami apakah vaksin dan bagaimana ia berfungsi menjadi faktor utama mengapa kumpulan anti vaksin menolak program imunisasi.

Vaksin berfungsi melawan penyakit dengan membangunkan memori pertahanan badan seseorang tanpa perlu menempuh kesakitan terlebih dulu.

Apabila penyakit atau kuman menyerang sekali lagi, sistem memori imuniti ini akan diaktifkan untuk melindungi tubuh.

Pensyarah Kanan Program Sains Bioperubatan, Pusat Pengajian Sains Diagnostik dan Kesihatan Gunaan, Fakulti Sains Kesihatan (FSK) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Yap Wei Boon, berkata cara vaksin bertindak sangat berbeza berbanding ubat.

Katanya, vaksin tidak menyembuhkan penyakit sebaliknya membina daya tahan terhadap kuman dan menyimpan memori imuniti atau memori pertahanan.

“Mereka yang tidak menerima vaksin terpaksa menempuh kesakitan terlebih dulu sebelum memori

ini dibina dan kalau tidak bernasib baik boleh memberikan kesan buruk termasuk maut,” katanya.

### Tingkat fungsi imuniti

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah bertajuk, ‘Vaksinasi: Perlukah untuk anak kita’ pada Bicara Kesihatan dan Keselamatan Kanak-Kanak anjuran FSK UKM di Bangi, baru-baru ini.

Dr Yap menjelaskan, dakwaan kanak-kanak mendapat perlindungan imunisasi daripada susu ibu kurang tepat kerana bersifat sementara iaitu sehingga dua tahun saja.

Selepas tempoh berkenaan, antibodi daripada ibu akan dikeluarkan kerana bayi sudah mempunyai sistem pertahanan sendiri.

Dakwaan vaksin mengandungi bahan kimia bertoksik dan boleh meninggalkan kesan buruk juga tidak tepat kerana jumlahnya terlalu sedikit.

Antaranya aluminium adjuvant yang ditambah untuk menjaga kualiti dan keberkesanan vaksin selain meningkatkan fungsi memori imuniti.

### Tanpa kesan sampingan

“Aluminium ini bukan seperti bahan yang digunakan untuk menghasilkan besi tetapi satu satunya bahan kimia yang disahkan selamat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Pentadbiran Makanan dan Ubat Amerika (FDA) untuk kegunaan manusia.

“Kuantitinya pun sangat sedikit berbanding keracunan makanan yang kita dapati daripada memakan makanan laut,” katanya.

Kandungan bahan lain seperti antibiotik yang ditambah ke dalam vaksin juga terlalu sedikit termasuk penstabil atau pengawet yang melindungi vaksin daripada pencemaran ketika proses pengedaran.

Merkuri yang berbeza dengan merkuri di dalam raksa pula ditambah sedikit ke dalam vaksin juga boleh disingkirkan oleh badan tanpa meninggalkan kesan sampingan.

Dakwaan mengaitkan imunisasi campak, beguk dan rubela dengan autisme oleh Pakar Gastroenterologi British, Dr Andrew Jeremy Wakefield pada tahun 1998 adalah tidak benar.

### Kes campak meningkat, kesan tolak vaksin

Penemuannya ke atas sekumpulan kecil kanak-kanak yang baharu mengambil vaksin dan didiagnosis mengalami autisme selepas itu adalah secara kebetulan.

Ini berbeza dengan kumpulan kanak-kanak lain yang turut mengambil vaksin sama, tidak mengalami sebarang kesan sampingan.

“Artikel penyelidikannya mendorong ramai menolak vaksin mengakibatkan penyakit yang sepatutnya boleh dicegah dengan vaksin meningkat sehingga 30 peratus setiap tahun di Eropah dan Amerika Syarikat.

“Di Malaysia, laporan Kementerian Kesihatan Malaysia menyatakan, jumlah kes campak menunjukkan peningkatan sehingga 200 kali ganda dalam tempoh dua tahun bermula pada tahun 2013 akibat penolakan vaksin oleh kumpulan anti vaksin,” katanya.

### Info

#### Konsep imuniti komuniti:

- Vaksin bukan untuk perlindungan individu saja tetapi keseluruhan masyarakat.
- Menyekat kuman daripada merebak keluar daripada komuniti terbahit.
- Melindungi individu lain yang tidak sesuai dengan vaksin kerana alahan.

#### Vaksin perlu diberikan mengikut jadual:

- Beri peluang kanak-kanak membangunkan sistem pertahanan lengkap.
- Kanak-kanak perlukan enam bulan untuk membina sistem pertahanan.

#### Kesan sampingan vaksin:

- Berilaku ke atas mereka yang alah dengan vaksin.

#### Hemopati

- Meningkatkan daya tahan saja tetapi bukan memori daya tahan.

#### Mengapa ada vaksin perlu diberikan lebih daripada satu dos?

- Setiap vaksin memiliki keberkesanan berbeza.
- Ada vaksin perlu lebih daripada satu dos kerana ada kelemahan.
- Dos pertama dianggap sebagai ‘mendidik’ sistem pertahanan bayi.
- Dos kedua dan ketiga membangunkan tahap imuniti lebih tinggi dan maksimum.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 71

RUANGAN : SIHAT

## Info

**Gejala JE:**  
(Tempoh jangkitan bermula sehingga mengalami kesakitan) adalah:

- Lima sehingga 15 hari.
- Mangsa diserang demam, sakit kepala dan muntah

**Gejala neurologi:**

- Lemah
- Sukar bergerak.
- Sawan (kerap berlaku ke atas kanak-kanak)

**Kesan JE:**

- 20-30 peratus yang terselamat mengalami kecacatan kekal.
- 30 peratus meninggal dunia.

**Kaedah mengesan jangkitan JE:**

- Ujian darah (Elisa Test)
- Ujian serum atau cecair serebrospinal (cecair di dalam otak).

**Kawasan berisiko:**

- Sarawak (kajian menunjukkan 60-70 peratus khinzir mengandungi virus JE).
- Pahang


- Perak
- 10-40 kes sekitar 1990 an

**Vaksin:**

- Diwajibkan di Sarawak sejak tahun 2001 (bayi berumur sembilan bulan hingga 21 bulan)
- Boleh didapati di klinik pediatrik terpilih (kos RM130 ke atas)



Seorang kanak-kanak diberi rawatan rapi di sebuah hospital di India.



Nyamuk culex gemar kawasan kotor.

# Nyamuk culex serang sistem saraf



Gejala lebih teruk boleh berlaku ke atas kanak-kanak dan warga emas. (gambar hiasan)



→ JE sukar dikesan, mangsa berisiko maut, cacat

**Oleh Halina Mohd Noor**  
halina\_mdnoor@bh.com.my

Mereka yang gemar masuk ke hutan atau yang tinggal berhampiran kawasan hutan serta kawasan ternakan khinzir berisiko terkena gigitan nyamuk ini"

**Dr Rose Nani Mudin,**  
Ketua Sektor Penyakit Bawaan Vektor, KKM

Pencinta alam yang gemar masuk ke hutan perlu berwaspada dengan gigitan nyamuk daripada spesies culex yang boleh menyebabkan kecacatan seumur hidup dan maut.

Berbeza dengan nyamuk aedes yang menggigit pada awal pagi dan senja, culex pula menggigit sepanjang masa.

Nyamuk ini membawa virus Ensefalitis Jepun (JE) yang menyerang otak dan melumpuhkan sistem motor tubuh sehingga menyebabkan maut.

Ketua Sektor Penyakit Bawaan Vektor, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Dr Rose Nani Mudin, berkata virus JE hidup

di dalam badan haiwan seperti burung yang berhijrah dari negara luar seperti bangau dan khinzir kepada manusia.

Nyamuk culex yang menghisap darah haiwan ini kata beliau, boleh menyebarkan virus JE apabila menggigit manusia seterusnya menimbulkan kesakitan.

**Elak gigitan, pakai baju lengan panjang**

"Mereka yang gemar masuk ke hutan atau yang tinggal berhampiran kawasan hutan serta kawasan ternakan khinzir berisiko terkena gigitan nyamuk ini," katanya pada sesi dialog bersama media berkaitan ancaman JE di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dr Rose Nani berkata, kumpulan berisiko tinggi ini perlu berhati-hati dengan mengambil langkah mengelakkan daripada gigitan Culex dengan memakai lengan panjang, menggunakan penghalang gigitan nyamuk atau mengambil vaksin.

Bagaimanapun, JE tidak boleh dipindahkan daripada seorang manusia kepada manusia lain.

Sementara itu, Pakar Perunding Pediatrik, Dr Tan Gek Ling, berkata kebanyakan doktor sukar

mengenal pasti JE kerana gejalanya hampir sama dengan demam atau selesema boleh mengelirukan khususnya di peringkat awal.

**Mangsa diserang sakit kepala**

"Kebanyakan pesakit mengalami sakit kepala dan otot manakala pesakit lain pula mengalami demam panas serta muntah. Gejala lebih teruk boleh berlaku ke atas kanak-kanak dan warga emas.

"Kekeliruan dalam mengenal pasti JE akibat gejalanya yang ringan menyebabkan serangan dikesan sama ada lewat atau tidak dikesan langsung," katanya.

Berbanding virus lain, Dr Rose Nani berkata, JE masuk ke dalam salur darah dan menyerang otak seterusnya melumpuhkan sistem saraf serta motor mangsa.

Serangan JE katanya, boleh membawa maut dengan seorang daripada tiga mangsa meninggal dunia dan selebihnya mengalami gangguan neurologi seperti pekak, bisu atau lumpuh.

Kanak-kanak berusia bawah 15 tahun memerlukan dua dos vaksin dalam tempoh setahun dan mampu melindungi penerima sehingga lima tahun.



Kebanyakan pesakit mengalami sakit kepala dan otot manakala pesakit lain pula mengalami demam panas serta muntah. Gejala lebih teruk boleh berlaku ke atas kanak-kanak dan warga emas"

**Dr Tan Gek Ling,**  
Pakar Perunding Pediatrik



**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 70**  
**RUANGAN : SIHAT**



Dr Ikram (kiri) melawat gerai pemakanan sihat pada majlis pelancaran kempen Start Right Stay Right dengan Nutren Untuk Diabetik anjuran Nestle Health Science sempena Hari Diabetes Sedunia.



Penghidap diabetes dinasihatkan mengelakkan mencuba pelbagai produk herba di pasaran yang tidak mendapat kelulusan KKM”

**Fong Pui Hing,**  
Ketua Pakar Diet Bahagian Pengajian Diet dan Perkhidmatan Makanan Institut Jantung Negara IJN



Amalkan cara pengurusan penyakit diabetes yang disyorkan Institut Kesihatan Awam, KKM dengan mengawal dan mengekalkan berat badan ideal”

**Dr Feisul Idzwan,**  
Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Unit Penyakit Kardiovaskular dan Diabetes, Bahagian Kawalan Penyakit KKM

# Hindari diabetes amal gaya hidup sihat

## Info

### Diabetes

- 2016, seramai 422 juta daripada penduduk dunia berumur lebih daripada 18 tahun ke atas adalah penghidap penyakit diabetes.
- 199 juta daripada mereka adalah wanita.
- Di Malaysia, seramai 3.6 juta penduduk berumur 18 tahun dan ke atas adalah penghidap diabetes.
- Seramai 1.78 juta penghidap diabetes adalah wanita.
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) meramalkan diabetes akan menjadi salah satu daripada tujuh punca utama kematian pada tahun 2030.
- 90 peratus pesakit adalah penghidap diabetes jenis 2.

### Tanda awal serangan diabetes

- Dahaga luar biasa
- Kerap membuang air kecil
- Perubahan berat (berlebihan atau berkurangan)
- Keletihan melampau atau kekurangan tenaga
- Penglihatan kabur
- Jangkitan kerap atau berulang
- Luka dan lebam yang lambat sembuh
- Kebas di tangan atau kaki

→ Makan secara seimbang, lakukan senaman dan jalani ujian darah berkala

Oleh **Nor Hatina Shuib**  
hatina@bh.com.my

Sebaik disahkan doktor menghidap diabetes, Rozieta (bukan nama sebenar) tidak lagi berani menikmati keenakan pisang atau epal merah atas stigma, buah itu hanya akan lebih memudaratkan kesihatannya.

Malah, sudah menjadi satu kepercayaan dalam kalangan penghidap hanya buah dan makanan tertentu saja boleh dimakan jika anda menghidap diabetes. Sebernarnya persepsi itu salah.

Ketua Pakar Diet Bahagian Pengajian Diet dan Perkhidmatan Makanan Institut Jantung Negara (IJN), Fong Pui Hing, berkata walaupun disahkan diserang diabetes, pesakit masih boleh makan buah tetapi dalam kuantiti “Pinggian Sihat Malaysia” iaitu Suku Suku Separuh yang disarankan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

“Ada pesakit Diabetes menganggap mereka hanya boleh makan

epal hijau berbanding merah. Sama ada epal merah atau hijau, khasiatnya sama saja tetapi apa yang penting kuantiti anda makan sehari,” katanya.

Beliau ditemui pada majlis pelancaran kempen ‘Start Right Stay Right dengan Nutren’ Untuk Diabetik anjuran Nestle Health Science sempena Hari Diabetes Sedunia.

Hadir sama, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Unit Penyakit Kardiovaskular dan Diabetes, Bahagian Kawalan Penyakit KKM; Dr Feisul Idzwan Mustapha, Presiden Persatuan Diabetes Malaysia; Prof Datuk Dr Ikram Shah Ismail dan Pakar Psikologi dari Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM); Yang Wai Wai serta Pegawai Eksekutif Perniagaan, Nestle Health Science, Emilyn Loo serta Pengarah Eksekutif, Hal Ehwal Korporat Kumpulan, Nestle (Malaysia) Berhad, Nirmalah Thurai.

### Promosi galak ambil sajian sarapan

Kempen bertujuan mendidik masyarakat kepentingan memulakan hari dengan betul melalui pengambilan sarapan berkhasiat sebagai sebahagian pengurusan penyakit diabetes.

Begitu juga dengan persepsi terhadap pengambilan madu yang dianggap menggantikan gula untuk pesakit diabetes.

Kata Fong, madu turut mengha- silkan karbohidrat seperti anda mengambil nasi, jagung dan roti.

“Pengambilan itu bergantung kepada kuantiti anda nikmati setiap hari. Jika berlebihan keadaan berisiko menjejaskan kesihatan terutama pesakit diabetes yang perlu merancang pelan pemakanan sihat,” katanya.

Beliau berkata, penggunaan stevia sebagai pengganti gula disarankan memandangkan bahan itu adalah pemanis daripada tumbuhan dan tidak mengandungi kalori.

### Stevia rendah glisemik

“Stevia bersifat rendah glisemik, bukan karbohidrat dan tidak mengundang ketagihan.

“Pada masa sama, dinasihatkan penghidap diabetes mengelakkan mencuba pelbagai produk herba di pasaran yang tidak mendapat kelulusan KKM,” katanya.

Sementara itu, Dr Feisul Idzwan berkata, laporan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Nasional 2015, menunjukkan data pesakit diabetes meningkat.

Beliau berkata, dianggarkan sejumlah 3.5 juta orang dewasa berumur 18 tahun ke atas atau setiap satu daripada lima rakyat Malaysia menghidapnya.

“Amalkan cara pengurusan penyakit diabetes yang disyorkan Institut Kesihatan Awam, KKM dengan mengawal dan mengekalkan berat badan ideal. Amal gaya hidup sihat dan sentiasa aktif selain memeriksa kandungan glukosa dalam darah secara berkala,” katanya.



AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 11  
 RUANGAN : NEGARA

## Wabak denggi di Malaysia bagaikan tiada penghujung

**K**EHADIRAN dua orang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai Jabatan Kesihatan di kediaman penulis di Cheras, Kuala Lumpur Rabu lalu membawa berita duka. Mereka memaklumkan seorang penduduk di sebuah apartmen berhampiran meninggal dunia beberapa hari lalu akibat demam denggi berdarah.

Oleh sebab itu mereka ditugaskan memeriksa kediaman dan bangunan-bangunan berhampiran bagi memastikan kawasan berkenaan bebas daripada menjadi pusat pembiakan nyamuk aedes dan seterusnya mengekang penularan wabak denggi.

Mujur tiada seekor pun larva nyamuk ataupun jentik-jentik ditemui di rumah penulis. Jika tidak, tindakan mengikut Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 berbentuk kompaun, denda serta kemungkinan dipenjara-kah boleh dikenakan.

Bagaimanapun sebelum pegawai berkenaan melangkah untuk melakukan pemeriksaan di tempat lain, mereka sempat menitipkan pesanan supaya sama-sama menjaga kebersihan kawasan masing-masing kerana hanya disiplin setiap daripada kita yang mampu memastikan aedes dapat dihapuskan.

Secara jujurnya, penulis takut dengan kes-kes demam denggi yang bukan sahaja tidak menemui penyelesaian sejak puluhan tahun lalu, tetapi kesnya masih terus berlaku di sekeliling kita.

Pada persidangan Dewan Rakyat baru-baru ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam menyatakan penyakit demam denggi yang dibawa oleh nyamuk aedes disenaraikan sebagai penyakit berjangkit paling tinggi di negara ini dengan nisbah 328.3 kes bagi setiap 100,000 penduduk.

"Bagi menangani insiden penyakit demam denggi yang dibawa oleh nyamuk aedes, kementerian telah melaksanakan pelbagai langkah pencegahan dan kawalan termasuk menggunakan sistem pemantauan berasaskan laman sesawang secara tepat masa iaitu eDengue, sistem pengurusan wabak denggi (SPWD) bagi meningkatkan pengawasan ke atas lokaliti kes dan wabak denggi," katanya.

Sementara itu, statistik Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan untuk tempoh bermula Januari tahun ini sehingga 18 November lalu menunjukkan seramai 163 orang meninggal dunia akibat demam denggi dengan jumlah kematian paling tinggi dire-



Di Sebalik Isu Panas

Bersama MANIRAH OTHMAN

kodkan di Selangor melibatkan 71 orang mangsa. Jumlah tersebut diikuti Negeri Sembilan (24 mangsa), Johor (21 mangsa) dan Terengganu (19 mangsa).

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah dalam satu kenyataan akhbar baru-baru ini membe-

ritahu, walaupun jumlah kematian menunjukkan penurunan sebanyak 51 kes berbanding tempoh sama tahun lalu, tetapi usaha berterusan perlu dilakukan bagi membendung penularan kes demam denggi.

"Marilah kita sama-sama membersihkan kawasan dalam dan luar rumah, tanah atau lot kosong, longgokan sampah serta menjalankan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan aedes," katanya.

Ketua Aktivistis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan memberitahu, penularan wabak denggi mencerminkan sikap masyarakat kita yang tidak tahu menjaga kebersihan.

Jelasnya, sekiranya semua penduduk di negara ini sama-sama memainkan peranan dalam menjaga kebersihan, nyamuk aedes serta penyakit demam denggi dapat diselesaikan hanya dalam tempoh tiga minggu.

"Kita tahu dari mana datangnya penyakit ini, dari nyamuk aedes. Nyamuk itu datangnya disebabkan pengurusan kebersihan kita yang gagal. Sekiranya kita mahu bebas daripada

denggi, kita kena ubah sikap.


"Kita tidak boleh harapkan pihak berkuasa sahaja kerana semua pihak perlu memainkan peranan. Semua pihak harus bersungguh-sungguh dan bertanggungjawab tangani denggi. Kalau tidak ada air bertakung, tidak akan ada nyamuk aedes. Perkara ini sangat mudah sekiranya semua pihak memainkan peranan," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Bagaimanapun, penulis tidak merasakan seruan dan saranan daripada pihak kerajaan ataupun badan-badan bukan kerajaan yang banyak melaksanakan kempen serta melakukan aktiviti gotong-royong bagi memusnahkan kawasan pembiakan nyamuk aedes serta slogan 'tiada nyamuk tiada aedes' sejak sekian lama meninggalkan kesan yang mendalam.

Lihat sahaja di sekeliling kita, masih ramai yang mengamalkan sikap mementingkan diri sendiri serta tidak melihat kesan daripada perbuatan secara menyeluruh. Baru-baru ini, penulis ternampak perbuatan seorang wanita yang cantik penampilannya tidak segan untuk membuang sampah keluar dari kenderaan yang baru diparkir semata-mata untuk memastikan dalam kerejanya tidak kotor.

Mungkin dia beranggapan akan ada pekerja pembersihan akan datang untuk mengutip sampah sampah tersebut walaupun dia hanya memerlukan sedikit usaha untuk pergi membuangnya di tong sampah berdekatan.

Bagaimanapun, sikap begitulah yang akan terus menggagalkan kempen-kempen serta seruan serta perbelanjaan jutaan ringgit daripada kerajaan setiap tahun untuk memusnahkan nyamuk aedes. Jika sikap begini tidak dikikis daripada minda rakyat negara ini, selama-lamanya Malaysia tidak akan bebas daripada denggi.



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 33

RUANGAN : VIEWS

# End the stigma on HIV

EVERY year, people all over the world observe Dec 1 as World AIDS Day.

World AIDS Day is important because it reminds the public and government that HIV has not gone away – there is still a vital need to raise money, increase awareness, and improve education among all of us.

AIDS is a word which evokes as much fear as it does hatred. Having experienced being isolated has taught me how important it is to educate society about HIV and AIDS. World AIDS Day is the perfect way to spread awareness about the disease and help those with AIDS and HIV. Being a person with HIV does not make us any different from others.

There was a time when I went into hiding. I felt that I should just leave this world, not because of the virus which is in my body, but because of the stigma people foisted on my shoulder.

Depression, being isolated by family and friends was the worst feeling. I am lucky to be a Malaysian as we have a lot of medical practitioners who are willing to go the extra mile to help their patients believe that there is always a second chance in life.

I would like to take this opportunity to thank everyone in the Ministry of Health - Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, Director General of Health; Dr Anita Suleiman, Head Sector of HIV/STI/Hepatitis C under Disease Control (Communicable Diseases) Division; and a million



“Being a person with HIV does not make us any different from others.”

thanks to Dr Sheela Bai, Dr Diana Lai and the team at the HIV Unit in Klinik Kesihatan Cheras; the wonderful nurses (Baaya, Gaayu, Bala, Sila) there; and Kuala Lumpur AIDS Service Society (KLASS) for their support, love and care towards each and every one of us.

Kudos to each and every one of you.

I sincerely hope the Health Ministry via health facilities like Klinik Kesihatan Cheras will continue to focus not just on preventing HIV transmissions, but also on fighting stigma and isolation.

For those who have just been diagnosed with HIV, you are never alone, there is always a second chance.

Stand up, never give up and always believe every obstacle you have faced in your life is a test and challenge for you

HIV doesn't kill, stigma does.

#LetsEndIt

MR REZA  
Cheras



AKHBAR : MALAY MAIL

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : TOP NEWS

2

MALAY MAIL  
Saturday  
December 2,  
2017

TOP NEWS

# M'sia to capitalise on medical tourism

By Jerry Choong  
jerrychoong@mmail.com.my

**PETALING JAYA** — Malaysia is set to capitalise on the medical tourism sector that has shown impressive growth in recent years.

Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) chief executive officer Sherene Azli said medical tourist numbers are expected to continue to rise as the country's healthcare facilities improve and industry players seize the opportunity.

"In 2011, over 643,000 medical tourists visited Malaysia, and by 2016 it had reached over 921,000," she told *Malay Mail*.

Sherene was responding to a news report recently urging Malaysia, which has a well-developed healthcare infrastructure, to intensify its focus to attract the high revenue-yielding medical tourism.

The report stated that in 2016, there were some 11.4 million international health-oriented and medical trips, accounting for a 1.4 per cent of all outbound trips worldwide.

"The Malaysian healthcare travel industry is growing on average by 16 to 17 per cent every year. From 2015 to 2016, it grew by 23 per cent compared to 15 per cent from 2011 to 2015," said Sherene.

Malaysian hospital facilities are on par with developed countries. — Picture by MHTC

The industry's expansion has not gone unnoticed, as the council has been honoured numerous times, including with the 2015 Public Private Partnership Medical Travel Destination of the Year and this year's Asia Pacific Healthcare and Medical Tourism Award.

Sherene said the rise in medical tourism can be partly attributed to the industry's focus in offering preventive care, where medical tourists can choose to combine their treatment with alternative recovery options.

"We have seen the emergence of offerings including lower-risk cosmetic procedures and holistic therapies like yoga, ayurveda, traditional complementary eastern medicine and anti-ageing among others.

"This is coupled with many providers (such as travel agents) specialising in offering package tours which combine holidays alongside medical treatment,

usually in co-operation with hotels or resorts," she said.

Sherene credited the efforts of the government in the last decade, which has extensively invested in the country's medical infrastructure.

"The improvements are significant enough for Malaysia to be on par with developed countries. Our healthcare operates on an efficient and widespread two-tier system where the public universal system caters to our citizens and the co-existing private system for Malaysians and international patients alike," she said, adding this helped to lay the foundations for the medical tourism industry.

The *World Travel Monitor* reported that nearly 70 per cent of all international health and medical outbound trips have been made mainly for health-oriented reasons such as wellness and spa holidays.

The share of trips for medical purposes

(including cure, hospital rehab and stays in medical clinics) was around 30 per cent.

A German tour operator who sends tourists to a number of Asian destinations said Malaysia should undertake campaigns dedicated to highlighting such facilities which, combined with the country's beautiful landscape evident in its sandy beaches, pristine waters and sunshine all year round, make the country an attractive destination. Malaysia is a popular medical tourism destination for countries including Indonesia, Indochina, India, China, Japan, the United Kingdom, Australia, and the Middle East.

The top treatment procedures vary from individual to individual, but these include rehabilitation services, oncology, urology, dental or cosmetic surgery, neurology, in-vitro fertilisation, cardiology and orthopaedics.

AKHBAR : MALAY MAIL

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : TOP NEWS

## Council, partners gearing to face challenges together



MHTC chief Sherene says the council hopes to break the RM2 billion revenue mark by 2020.

PETALING JAYA — Medical tourism industry players and service providers are stepping up to face the challenges emerging in the next several years.

"The Prime Minister recently announced Visit Malaysia Year 2020 when tabling Budget 2018 in October, so we are prepping for that in addition to the Malaysia Year of Health and Wellness which will also take place that year," Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) chief executive officer Sherene Azli told *Malay Mail*.

Founded in 2009 under the Health Ministry, the MHTC has spent the past eight years facilitating and helping the medical tourism industry grow. It has worked to streamline players and providers into a more focused development strategy.

Sherene said the council hopes to achieve the goal of breaking the RM2 billion mark by 2020. From 2015 to 2016 the industry generated RM1.12 billion in hospital revenues.

"To this end MHTC has identified three key tents, which focus on industrial facilitation, optimising digital marketing, and maintaining sustainable growth," she said.

Among the initiatives which will be undertaken are MHTC and its partner hospitals participating in large-scale international health and healthcare travel branding, as well as organising healthcare travel road shows and events in the industry's focus markets.

"It is also important for us to strategically engage outside the country, be it on an inter-governmental level, between two or more corporate entities, or both. This will go a long way in boosting the easy facilitation of travellers to Malaysia," Sherene said.

MHTC's additional focus is improving the end-to-end medical tourism service. She said a seamless experience for travellers has a positive impact when they return home and share what they had enjoyed with others.

"This begins when they inquire about Malaysia's healthcare tourism from home, to their arrival and successful treatment, outstanding post-care services, and their eventual return home," Sherene said.

Tourism Malaysia chairman Datuk Siew Ka Wei said medical tourism is an integral part of the greater tourism industry, since travellers coming in for treatment

commonly bring along their family members who spend money on hotels, shopping and food.

"The Tourism and Culture Ministry and we are always on the lookout in assisting the aggressive promotion of the medical tourism sector in specific markets which have been identified.

"We will work with all industry players in identifying more medical offerings, and if need be, help them to build the necessary infrastructure," he said.

Siew is confident some of the industry players like private hospitals are capable of handling themselves. However, he suggested that others could improve themselves in various ways.

"This could be in terms of better and or additional treatment facilities, as well as nursing staff who are more high-skilled or trained.

"Ultimately, although Malaysian medical tourism has come far over the years, there are still numerous untapped opportunities just waiting to be acted on. Hence the need to enhance the country's reputation as a medical treatment destination that is both par excellence and also affordable," he said.